

# Ghazali: Masa depan Komanwel akan jadi tanda tanya

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Masa depan dan kepentingan Komanwel akan menjadi tandatannya jika segala rumusan yang dicapai tidak dilaksanakan, kata Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, hari ini.

Walaupun peralihan di Melbourne, Australia baru-baru ini berjaya, tapi negara-negara yang menyertainya masih belum tahu masa depan Komanwel itu jika rumusan yang dicapai tinggal menjadi kata-kata yang beku.

Apa yang kita ingin lihat sekarang ialah perkara yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah ekonomi setelah masalah politik dibersihkan, katanya menjawab soalan Hajj Ampong Puyon (BN-Labuk Sugut) di Dewan Rakyat hari ini.

Bellau berkata, dalam sidang ketua-ketua negara Komanwel di Melbourne baru-baru ini, ketua-ketua negara tersebut meninjau dan membincangkan keadaan politik dan ekonomi sedunia.

Mereka melahirkan rasa bimbang di atas kemerosotan hubungan antarabangsa disebabkan oleh sikap bertegang antara negara-negara kuasa besar, perlumbaan mengeluarkan senjata dan memberi perhatian kepada masalah di Namibia dan Apartheid di Afrika Selatan.

Berhubung pergolakan di Kampuchea dan Afghanistan, ketua negara-negara Komanwel mendesak semua tentera asing ditarik keluar dari situ, katanya.

Mengenai isu ekonomi, beliau berkata, ketua-ketua negara Komanwel meluluskan periytilharan Melbourne yang melahirkan keazaman dari segi politik untuk mengambil tindakan yang praktik.

Penekanan juga ditumpukan ke arah membasmi kemiskinan, mengurangkan ketidakseimbangan pembahagian kekayaan, dan menggerakkan dialog antara negara-negara maju dengan negara-negara membangun ke arah mencari penyelesaian kepada masalah di bidang perdagangan, kuasa bahan, makanan, kewangan dan pembiayaan, katanya.

Bagi Malaysia perkara yang mustahak ialah masalah Kampuchea, pendatang haram Indochina, masalah dadah, kenalkan yuran persekolahan, protectionisme dan komoditi.

"Saya ikut serta dalam perbincangan untuk melahirkan pandangan dan keseimbangan kita mengenai isu-isu tersebut.

## Menyusun

"Saya telah menekankan bahawa kerjasama di kalangan negara-negara Komanwel akan lebih memberi makna dan manfaat sekiranya negara-negara industri yang maju membantu meringankan masalah negara membangun dengan cara membiayai segala bentuk sekatan dari segi perdagangan supaya dapat berjalan dengan lancar," katanya.

Negara-negara maju boleh mengambil langkah untuk menyusun semula sistem ekonomi yang lebih seimbang di kalangan Komanwel.

Langkah begini tidak dapat tidak akan mempengaruhi negara-negara industri maju yang lain ke arah melahirkan satu peraturan ekonomi antarabangsa yang baru yang selalu diutarakan oleh negara-negara membangun, tambahnya.

Kita telah menyatakan bahawa negara-negara kecil seperti Malaysia, yang pada hakikatnya menduduki tahap tengah dalam struktur sosio-ekonomi utara-selatan, boleh memainkan peranan membantu negara-negara membangun kecil yang lain.

## Membantu

Antaranya mengadakan kemudahan latihan dan biasiswa kepada kepulauan-kepulauan di daerah Pasifik, setakat yang kita mampu.

Kesanggupan kita membantu sedemikian rupa membuktikan, Komanwel boleh menjadi satu badan yang bermakna dan bermanfaat sekiranya ada haazrat dan kezaman di sisi negara ahli untuk saling membantu dan bekerjasama.

Malah saya berhasil menekankan tentang mustahaknya kerjasama jangka panjang untuk masa-masa akan datang dan ini jelas dibayangkan dalam periytilharan Melbourne, juga dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan, tegas beliau lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia